



[BERNAMA.com](#)
[BERNAMA TV](#)
[BERNAMA Radio](#)
[BERNAMA Images](#)

[MyCheck](#)

[HAWANA 2023](#)

[COVID-19 & Vaksinasi](#)

[Carian](#)

[Utama](#)

[Am](#)

[Jenayah & Mahkamah](#)

[Ekonomi](#)

[Sukan](#)

[Politik](#)

[Fokus BERNAMA](#)

[Tinta Minda](#)

[Meta@BERNAMA](#)

[Laman Korporat](#)

[f](#) [t](#) [i](#) [v](#) [r](#) [d](#)

Muat turun BERNAMA App

AM

TDM PLANTATION TANAM 2,000 POKOK BANTU HIJAUKAN ALAM SEKITAR



Foto: TDM Plantation FB

18/06/2023 01:25 PM

KUALA TERENGGANU, 18 Jun (Bernama) – Anak syarikat kerajaan Terengganu, TDM Plantation Sdn Bhd (TDMP) mengambil inisiatif menanam 2,000 pokok pelbagai spesies di Ladang Jernih, Kemaman sebagai usaha memelihara alam sekitar.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Hamdan Ibrahim berkata projek tersebut dijalankan dengan kerjasama Nestle Malaysia, menerusi program RELeaf Nestle yang menyasarkan tiga juta tanaman pokok di seluruh negara menjelang 2025.

Beliau berkata penglibatan TDMP adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat syarikat dalam proses menghijaukan bumi.

"Program RELeaf bukan sahaja membantu menyumbang kepada keseimbangan ekosistem alam, malah membantu menyekat proses perubahan iklim yang kritikal dengan penyerapan karbon dioksida dan membebaskan oksigen.

"Ia akan menjadi bukti hidup komitmen TDMP dalam membantu melestarikan alam sekitar yang penting untuk kelangsungan manusia sejagat," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Hamdan berkata selain menyokong program ReLeaf Nestle Malaysia, penanaman 2,000 pokok itu juga membantu merealisasikan kempen penanaman 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun bermula 2021 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Malaysia.

Katanya kerja-kerja penanaman pokok dijalankan oleh kakitangan TDMP dengan dibantu sukarelawan.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](#); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

+603 2693 9933 / +603 2631 1000 (Talian Am)
+601 6415 2766 (Bernama.com)
+603 2631 1535 / 1252 (Wires)
+603 2631 1112 (Digital Services)
+603 2631 1123 (PR/MREM Services)
+603 2631 1510 (Subscription)
+603 2631 1447 (Bernama TV)
+603 2692 9739 (Bernama Radio)
[helpdesk\[at\]bernama.com](mailto:helpdesk[at]bernama.com)

Kategori

• Am
• Ekonomi
• Pasaran
• Tenaga
• Sukan
• Politik
• Fokus BERNAMA
• Dunia
• Nam News Network (NNN)
• Tinta Minda
• Infografik
• Video
• Images
• Siaran Media Eksklusif
• Arkib

Laman Mikro

• HAWANA 2023
• Sukan Para ASEAN ke-12
• Belanjawan 2023
• Kesihatan
• Sarawak Tok
• Bencana Negara

Wilayah

• Tengah
• Utara
• Selatan
• Timur
• Sabah
• Sarawak

Lain-lain

• Laman Korporat
• Hubungi Kami
• Produk dan Perkhidmatan
• Kerjaya@BERNAMA
• Sebutharga / Tender
• Maklum Balas Pelanggan 2023

